Ruj. : AKKM : 2/5/29 Jld.1 (20)
Tarikh : 17 November 2026
7 Jamadilakhir 1448

Pengerusi dan Anggota Jawatankuasa ANGKASA Negeri Sabah

Pengerusi Koperasi Anggota ANGKASA Negeri Sabah

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Datuk / Dato' / Dr. / Tuan / Puan,

PEMBERITAHUAN MESYUARAT ANGKASA NEGERI (MAN) SABAH TAHUN 2027

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat ANGKASA Negeri (MAN) Sabah bagi tahun 2027 akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti ketetapan berikut :

Tarikh	:	**4 Februari 2027 (Khamis)**
Masa	:	**9:00 pagi**
Tempat	:	**Akan dimaklumkan dalam Notis Mesyuarat ANGKASA Negeri**
Kaedah	:	**Secara Hibrid (fizikal dan dalam talian)**

3. Sehubungan dengan itu, bagi melayakkan kehadiran ke Mesyuarat ANGKASA Negeri (MAN) di **Negeri Sabah**, koperasi dikehendaki mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut:

BIL.	BORANG	PERKARA	RUJUKAN
i.	**Borang 1**	**Borang Penamaan Perwakilan Koperasi dan Kemas kini Maklumat Keanggotaan ANGKASA** • Mengisi **Borang Penamaan Perwakilan Koperasi ke Mesyuarat ANGKASA Negeri (MAN) dengan lengkap,** menggunakan pautan www.mesyuaratagung.angkasa.coop/man dengan **mengimbas Kod QR di bawah.** • Mengemas kini data koperasi di dalam **Sistem Keanggotaan ANGKASA (SKA)** dengan **mengimbas Kod QR di bawah:** Setiap koperasi anggota ANGKASA di **Negeri Sabah** yang layak menyertai MAN, hendaklah menghantar seorang perwakilan koperasi berdasarkan *ATURAN 19H, Aturan ANGKASA (Pindaan 2026).* Perwakilan hendaklah membuat pilihan kehadiran **secara fizikal atau dalam talian** di dalam **Borang 1.**	Tarikh Tutup Penerimaan Borang pada **31 Disember 2026, Khamis** sebelum atau pada jam 5:00 petang

BIL.	BORANG	PERKARA	RUJUKAN
ii.	**Borang 2**	**<u>Borang Pencalonan Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN)</u>** Perwakilan yang berhasrat menjadi calon Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau Anggota Jawatankuasa ANGKASA Negeri hendaklah mengisi Borang Pencalonan Jawatankuasa ANGKASA Negeri dengan menyertakan dokumen berikut secara fizikal atau dalam talian; i. Borang Pengesahan Status Koperasi ii. Borang Semakan Laporan Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA dan Experian (SPeKAR) dan Surat Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit Individu • *Calon yang bertanding hendaklah memenuhi kehendak Aturan 19 I dan Aturan 20.*	Tarikh Tutup Penerimaan Borang pada **31 Disember 2026, Khamis** sebelum atau pada jam 5:00 petang

Borang-borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar ke alamat atau e-mel berikut:

Pengerusi
Pejabat ANGKASA Negeri Sabah
Lot 13, Lorong Grace Square 1
Jalan Pantai Sembulan
88582 Kota Kinabalu, Sabah

No. Telefon : 088-250 277
E-mel : mansabah.angkasa@gmail.com / jpn_sabah@angkasa.coop

4. Kos perbelanjaan perjalanan pergi dan balik serta penginapan perwakilan menghadiri MAN 2027 adalah di bawah **tanggungan koperasi**. Selain itu, koperasi juga dikehendaki mengemas kini maklumat keanggotaan koperasi di dalam Sistem Keanggotaan ANGKASA (SKA) bagi memastikan maklumat koperasi adalah lengkap dan terkini.

5. Bagi pemilihan Seorang (1) Pengerusi, Seorang (1) Timbalan Pengerusi dan Sepuluh (10) Anggota Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) Sabah mengikut pecahan zon seperti berikut :

i.	Pengerusi	-	Terbuka	(1 Kekosongan)
ii.	Timbalan Pengerusi	-	Terbuka	(1 Kekosongan)
iii.	Anggota JKAN	-	Ranau	(1 Kekosongan)
		-	Tawau	(1 Kekosongan)
		-	Keningau	(1 Kekosongan)
		-	Sandakan	(1 Kekosongan)
		-	Beaufort / WP Labuan	(1 Kekosongan)
		-	Pantai Barat	(5 Kekosongan)

6. Bersama-sama surat ini disertakan atur cara Mesyuarat ANGKASA Negeri (MAN), syarat kelayakan menjadi perwakilan dan calon MAN 2027 untuk tindakan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Datuk / Dato' / Dr. / Tuan / Puan. Sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Antony Barubui, Pengurus ANGKASA Negeri Sabah di talian 088-250 277 dan email: jpn_sabah@angkasa.coop.

Segala kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Datuk / Dato' / Dr. / Tuan / Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

"SADIK, AMANAH, TELUS"

Yang benar,



HAJI ANUAR BULIN
Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan

s.k. : Pengarah Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

: Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Sabah

: Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
ANGKASA

ATUR CARA
MESYUARAT ANGKASA NEGERI (MAN) SABAH TAHUN 2027
4 FEBRUARI 2027 (KHAMIS)

7:30 pagi - 9:00 pagi	:	Pendaftaran Kehadiran Mesyuarat ANGKASA Negeri (MAN) tahun 2027 Semua Perwakilan yang hadir fizikal dan dalam talian (online*)*
9:00 pagi - 10:45 pagi	:	Bacaan Ayat Suci Al-Quran
	:	Bacaan Doa
	:	Nyanyian Lagu Kebangsaan *Negaraku* dan Lagu *Sepakat Membina*
	:	Ucapan Pengerusi Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN)
	:	Ucapan Perasmian **YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah** Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Naib Presiden International Cooperative Alliance Asia and Pasific (ICA-AP), dan Ahli Lembaga International Cooperative Alliance (ICA)
11:00 pagi	:	**MESYUARAT ANGKASA NEGERI (MAN) TAHUN 2027 BERMULA**
1:00 tengah hari	:	Bersurai

* Tertakluk kepada pindaan

angkasa

SENARAI SEMAKAN DOKUMEN

BIL.	PERKARA	STATUS
1	**Borang 1 – Borang Penamaan Perwakilan Koperasi Mesyuarat ANGKASA Negeri (MAN) Tahun 2027**	☐
	i. Cabutan Minit Mesyuarat yang telah diperakui oleh koperasi yang bersetuju mengesahkan penamaan perwakilan dan pengganti hadir	☐
2	**Borang 2 – Borang Pencalonan Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) Tahun 2027**	☐
	i. Cabutan Minit Mesyuarat yang telah diperakui oleh koperasi yang mencadang dan koperasi yang menyokong	☐
	ii. Borang Pengesahan Status Koperasi oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	☐
	iii. Borang Semakan Laporan Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA dan Experian (SPeKAR) dan Surat Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit Individu	☐
3	**Kemas kini maklumat koperasi di dalam Sistem Keanggotaan ANGKASA (SKA)**	☐

BORANG PENAMAAN PERWAKILAN KOPERASI MESYUARAT ANGKASA NEGERI (MAN) SABAH TAHUN 2027

BORANG 1

(PERWAKILAN/MANSB2027)

No. Anggota ANGKASA	S	B				

Maklumat perlu diisi dengan huruf besar, jelas dan mudah dibaca.

A. MAKLUMAT KOPERASI

1. Butir-butir koperasi adalah seperti berikut :

Nama Penuh Koperasi (Seperti di dalam pendaftaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia) :

Alamat Koperasi :

Poskod : Bandar : Negeri :

No. Telefon : No. Daftar SKM (Baru) : E-mel :

.....

Tarikh Koperasi Menjadi Anggota ANGKASA : (Hari / Bulan / Tahun)

Tarikh Koperasi Daftar SKM : (Hari / Bulan / Tahun)

Tarikh Mesyuarat Agung Terakhir Koperasi : (Hari / Bulan / Tahun)

2. Maklumat Anggota Lembaga Koperasi :

Bil.	Jawatan dalam Koperasi	Nama Penuh Anggota Lembaga Koperasi (ALK)	No. Kad Pengenalan (Baru)	No. Telefon Rumah / H/P	Pekerjaan	E-mel
1.	Pengerusi					
2.	Timb. Pengerusi					
3.	Setiausaha					
4.	Bendahari					
5.	ALK					
6.	ALK					
7.	ALK					
8.	ALK					
9.	ALK					
10.	ALK					
11.	ALK					
12.	ALK					
13.	ALK					
14.	ALK					
15.	ALK					

B. PENAMAAN PERWAKILAN KOPERASI KE MESYUARAT ANGKASA NEGERI (MAN) TAHUN 2027

1. Koperasi bersetuju menghantar perwakilan ke Mesyuarat ANGKASA Negeri (MAN) tahun 2027 seperti butiran berikut :

i. PERWAKILAN :

Gelaran : Tan Sri / Datuk Seri / Datuk / Dato' / Dr. / Hj. / Hjh. / Tuan / Puan / Lain-lain (Sila nyatakan) ……

Nama (Mengikut K/P) :

No. Kad Pengenalan (Baru) :

No. Telefon Bimbit :

Jantina : ☐ Lelaki ☐ Perempuan

Nama Bank (Perwakilan) : ……..

No. Akaun Bank (Perwakilan) :

E-mel : **.....** Jawatan dalam Koperasi : ..... (Anggota Lembaga Koperasi Sahaja)

Tarikh Menjadi Anggota Lembaga Koperasi : .....

Saya dengan ini bersetuju untuk hadir ke Mesyuarat ANGKASA Negeri (MAN) tahun 2027 secara :

1. ☐ Fizikal 2. ☐ Dalam Talian

[* Sila tandakan [√] salah satu yang berkenaan sahaja]

ii. PENGGANTI : (Wajib diisi)

(Pengganti merupakan wakil yang akan menggantikan perwakilan sekiranya perwakilan di atas tidak dapat hadir.)

Gelaran : Tan Sri / Datuk Seri / Datuk / Dato' / Dr. / Hj. / Hjh. / Tuan / Puan / Lain-lain (Sila nyatakan) ……

Nama (Mengikut K/P) :

No. Kad Pengenalan (Baru) :

No. Telefon Bimbit :

Jantina : ☐ Lelaki ☐ Perempuan

Nama Bank (Pengganti) : .....

No. Akaun Bank (Pengganti) :

E-mel :..... Jawatan dalam Koperasi : ..... (Anggota Lembaga Koperasi Sahaja)

Tarikh Menjadi Anggota Lembaga Koperasi : .....

- Kehadiran Pengganti mengikut kehadiran Perwakilan Koperasi di atas

C. PENGESAHAN PENAMAAN PERWAKILAN KOPERASI

1. Dengan ini, Lembaga Koperasi yang bermesyuarat pada ..... bersetuju **mengesahkan** penamaan perwakilan dan pengganti koperasi di atas. Bersama-sama ini disertakan **cabutan minit mesyuarat berkaitan.**

   [KEGAGALAN menyertakan cabutan minit mesyuarat atau cabutan minit yang TIDAK diperakukan oleh Pengerusi dan Setiausaha, maka borang dianggap tidak lengkap dan boleh menyebabkan borang dibatalkan.]

2. Koperasi mengaku dan mengesahkan bahawa segala butiran dan keterangan yang diberikan di atas adalah benar dan tepat dan jika maklumat di atas didapati tidak benar dan palsu, ANGKASA berhak mengambil tindakan termasuklah menolak dan tidak memproses borang ini.

Tandatangan : ....

Nama : ( ) ( )

Pengerusi Setiausaha Cap/Mohor Koperasi

Tarikh : .....

D. PENGESAHAN PERSETUJUAN PERWAKILAN DAN PENGGANTI

1. Saya dengan ini membenarkan segala maklumat peribadi saya untuk digunakan oleh ANGKASA bagi tujuan Mesyuarat ANGKASA Negeri (MAN) tahun 2027.
2. Saya bukan seorang bankrap dan tidak pernah disabitkan atas kesalahan boleh daftar atau kesalahan menurut Akta dan Peraturan.
3. Saya memahami sekiranya saya membuat kenyataan yang tidak benar dan palsu, ANGKASA berhak mengambil apa-apa tindakan termasuklah menolak dan tidak memproses borang ini.
4. Saya dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa tandatangan ini adalah milik saya.
5. Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi segala syarat serta kriteria kelayakan perwakilan yang dinyatakan dalam borang ini.

   a. Persetujuan Perwakilan

   ....

   Tandatangan Tarikh

   b. Persetujuan Pengganti

   ....

   Tandatangan Tarikh

<u>Borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke Pejabat ANGKASA Negeri Sabah atau secara dalam talian selewat-lewatnya pada 31 Disember 2026, Khamis sebelum atau pada jam 5:00 petang seperti alamat berikut :</u>

Pengerusi
Pejabat ANGKASA Negeri Sabah
Lot 13, Lorong Grace Square 1
Jalan Pantai Sembulan
88582 Kota Kinabalu, Sabah

No. Telefon : 088-250 277
E-mel : mansabah.angkasa@gmail.com /
jpn_sabah@angkasa.coop

SYARAT DAN KELAYAKAN PERWAKILAN MESYUARAT ANGKASA NEGERI (MAN)

KELAYAKAN PERWAKILAN KOPERASI MENGHADIRI MESYUARAT ANGKASA NEGERI (MAN) TAHUN 2027.

1. Berdasarkan ***ATURAN 19H*** Perwakilan Koperasi yang layak menyertai MAN ialah:

   (a) Seseorang anggota koperasi anggota yang dipilih sebagai Perwakilan Koperasi bagi sesuatu negeri hanya boleh menjadi Perwakilan Koperasi bagi negeri itu sahaja dan bukan negeri lain dan hanya boleh menjadi anggota jawatankuasa negeri bagi negeri itu sahaja, (satu koperasi satu perwakilan.)

   (b) Perwakilan Koperasi hanya layak mewakili satu koperasi sahaja.

   (c) Perwakilan Koperasi itu hendaklah terdiri daripada anggota lembaga koperasi.

   (d) Perwakilan Koperasi itu hendaklah dimaklumkan dalam mesyuarat anggota Lembaga koperasi anggota sama ada mesyuarat biasa atau mesyuarat khas.

2. Perwakilan Koperasi hendaklah melengkapkan dokumen berkaitan perwakilan seperti yang ditetapkan oleh Lembaga ANGKASA iaitu **BORANG 1.**

3. Berdasarkan *UUK 24(3),* beberapa peruntukan seorang Perwakilan Koperasi **tidak layak** menjadi Perwakilan Koperasi ke Mesyuarat ANGKASA Negeri (MAN) antaranya:

   (a) Dia tidak lagi menjadi anggota lembaga koperasi anggota yang diwakilinya;

   (b) Dia tidak hadir Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tanpa sebab yang munasabah yang diberitahu terlebih dahulu;

   (c) Dia menerima apa-apa pelantikan bergaji tetap di dalam ANGKASA;

   (d) Dia tidak lagi menjadi anggota koperasi anggota yang diwakilinya;

   (e) Koperasi anggota yang diwakilinya telah:

      i. Tidak lagi menjadi anggota ANGKASA;

      ii. Diletakkan di bawah pengambilalihan menurut Akta;

      iii. Digantung, dibubarkan atau dibatal pendaftarannya menurut Akta; atau

   (f) Selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (e), apa-apa perkara lagi yang menyebabkan dia tidak layak menjadi Perwakilan Koperasi menurut Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil ini.

4. Perwakilan Koperasi juga dikehendaki mengemas kini maklumat koperasi yang diwakili di dalam Sistem Keanggotaan ANGKASA (SKA) melalui Kod QR berikut atau melayari www.mesyuaratagung.angkasa.coop/man

Sila imbas Kod QR untuk menyertai MAN 2027 dan mengemas kini maklumat koperasi

BORANG PENCALONAN
JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI (JKAN)
SABAH TAHUN 2027

BORANG 2

(PENCALONAN/MANSB2027)

No. Anggota ANGKASA	S	B					

Maklumat perlu diisi dengan huruf besar, jelas dan mudah dibaca.

A. MAKLUMAT CALON

1. Butir - butir calon adalah seperti berikut :

   Gelaran : Tan Sri / Datuk Seri / Datuk / Dato' / Dr. / Hj. / Hjh. / Tuan / Puan / Lain-lain (Sila nyatakan) .....

Nama Calon (Mengikut K/P) :

No. K/P (Baru) :

No. Telefon Bimbit :

Jawatan dalam Koperasi :
.....
(Anggota Lembaga Koperasi Sahaja)

E-mel Calon :
.....
(Wajib diisi untuk pengesahan)

Nama Koperasi Calon :

Tarikh Mesyuarat Agung Terakhir : Hari Bulan Tahun

Tarikh Koperasi Daftar SKM : Hari Bulan Tahun

E-mel Koperasi : .....

Tarikh Koperasi Menjadi Anggota ANGKASA : Hari Bulan Tahun

Tarikh Calon Menjadi Anggota Koperasi : Hari Bulan Tahun

Tarikh Calon Menjadi Anggota Lembaga Koperasi (ALK) : Hari Bulan Tahun

2. Persetujuan Calon

Saya ..... No. Kad Pengenalan : ..... merupakan Perwakilan Koperasi, adalah dengan ini bersetuju menjadi calon yang dipertandingkan seperti di bawah :

i. ☐ **Pengerusi Jawatankuasa ANGKASA Negeri** (Zon Terbuka)

ATAU

ii. ☐ **Timbalan Pengerusi Jawatankuasa ANGKASA Negeri** (Zon Terbuka)

ATAU

iii. ☐ **Anggota Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN)**

* Zon
(Bagi pemilihan zon sila pilih satu (1) sahaja)

☐ **Ranau** ☐ **Tawau** ☐ **Keningau** ☐ **Sandakan** ☐ **Beaufort / WP Labuan** ☐ **Pantai Barat**

[* Sila tandakan ☑ salah satu yang berkenaan sahaja]

B. PENGESAHAN KOPERASI YANG DIWAKILI CALON

1. Persetujuan Koperasi Calon (Koperasi yang diwakili oleh calon) :

   a. Koperasi kami bersetuju mencadangkan perwakilan di atas sebagai calon yang dipertandingkan. Bersama-sama ini disertakan cabutan minit mesyuarat Lembaga Koperasi kami yang bermesyuarat pada .....

   b. Dengan ini, kami mengaku bahawa koperasi kami berstatus **AKTIF** selaras dengan *Aturan 20E.*

[KEGAGALAN menyertakan cabutan minit mesyuarat dan Borang Pencalonan yang TIDAK diperakukan oleh Pengerusi dan Setiausaha akan dianggap tidak lengkap dan boleh menyebabkan pencalonan dibatalkan.]

Tandatangan : ....

Nama : ( ) ( )

Pengerusi Setiausaha Cap/Mohor Koperasi

Tarikh : .....

C. PENGESAHAN KOPERASI PENCADANG

1. Butir - butir Koperasi Pencadang adalah seperti berikut :

Nama Penuh Koperasi Pencadang **(Selain daripada koperasi calon)** :

No. Anggota ANGKASA :

Nama (Mengikut K/P) :

No. K/P (Baru) :

No. Telefon :

Jawatan Dalam Koperasi :

.....
(Anggota Lembaga Koperasi Sahaja)

a. Koperasi mengaku bahawa sokongan di atas telah dipersetujui oleh Lembaga Koperasi kami yang bermesyuarat pada ..... Bersama-sama ini disertakan Cabutan Minit Mesyuarat berkaitan.

b. Kami mengaku bahawa koperasi kami berstatus **AKTIF** selaras dengan *Aturan 20F.*

[KEGAGALAN menyertakan cabutan minit mesyuarat yang TIDAK diperakukan oleh Pengerusi atau Setiausaha akan dianggap tidak lengkap dan boleh menyebabkan pencalonan dibatalkan.]

Tandatangan : ....

Nama : ( ) ( )

Pengerusi Setiausaha Cap/Mohor Koperasi

Tarikh : .....

D. PENGESAHAN KOPERASI PENYOKONG

2. Butir - butir koperasi penyokong adalah seperti berikut :

Nama Penuh Koperasi Menyokong **(Selain daripada koperasi calon dan koperasi pencadang)** :

No. Anggota ANGKASA :

Nama (Mengikut K/P) :

No. K/P (Baru) :

No. Telefon :

Jawatan Dalam Koperasi :

.....
(Anggota Lembaga Koperasi Sahaja)

a. Koperasi mengaku bahawa sokongan di atas telah dipersetujui oleh Lembaga Koperasi kami yang bermesyuarat pada ..... Bersama-sama ini disertakan Cabutan Minit Mesyuarat berkaitan.

b. Kami mengaku bahawa koperasi kami berstatus **AKTIF** selaras dengan *Aturan 20F.*

[KEGAGALAN menyertakan cabutan minit mesyuarat yang TIDAK diperakukan oleh Pengerusi atau Setiausaha akan dianggap tidak lengkap dan boleh menyebabkan pencalonan dibatalkan.]

Tandatangan : ....

Nama : ( ) ( )

Pengerusi Setiausaha Cap/Mohor Koperasi

Tarikh : .....

E. PENGESAHAN DAN PERSETUJUAN CALON

1. Saya dengan ini membenarkan segala maklumat peribadi saya untuk digunakan oleh ANGKASA bagi tujuan Mesyuarat ANGKASA Negeri (MAN) tahun 2027.

2. Saya bukan seorang bankrap dan tidak pernah disabitkan atas kesalahan boleh daftar atau kesalahan menurut Akta dan Peraturan.

3. Saya memahami sekiranya saya membuat kenyataan yang tidak benar dan palsu, ANGKASA berhak mengambil apa-apa tindakan termasuklah menolak dan tidak memproses borang ini.

4. Saya dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa tandatangan ini adalah milik saya.

5. Saya dengan ini bersetuju menjadi calon bagi jawatan seperti di Bahagian A dan bersama-sama ini disertakan dokumen berkaitan seperti di bawah:

   i. ☐ Cabutan Minit Mesyuarat yang telah diperakui oleh koperasi yang mencadang dan koperasi yang menyokong

   ii. ☐ Borang Pengesahan Status Koperasi oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

   iii. ☐ Borang Semakan Laporan Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA dan Experian (SPeKAR) dan Surat Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit Individu

   * **[KEGAGALAN calon menghantar dokumen i – iii akan menyebabkan pencalonan ditolak]**

6. Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi segala syarat serta kriteria kelayakan calon Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) yang dinyatakan dalam borang ini.

....

Tandatangan Tarikh

Borang dan dokumen pencalonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke Pejabat ANGKASA Negeri Sabah atau secara dalam talian selewat-lewatnya pada 31 Disember 2026, Khamis sebelum atau pada jam 5:00 petang seperti alamat berikut:

Pengerusi
Pejabat ANGKASA Negeri Sabah
Lot 13, Lorong Grace Square 1
Jalan Pantai Sembulan
88582 Kota Kinabalu, Sabah

No. Telefon : 088-250 277
E-mel : mansabah.angkasa@gmail.com /
jpn_sabah@angkasa.coop

BORANG PENGESAHAN STATUS KOPERASI
(PENCALONAN JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI)
MESYUARAT ANGKASA NEGERI (MAN) TAHUN 2027

(Calon perlu mendapat pengesahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia berkaitan status koperasi aktif, tidak aktif dan dorman)

PENGESAHAN STATUS KOPERASI/MAN/2027)

BAHAGIAN A : MAKLUMAT KOPERASI

1. Nama Penuh Koperasi :

2. Alamat Koperasi :

Poskod : Bandar : Negeri :

3. No. Telefon :

4. No. Faks :

5. E-mel : .....

6. Tarikh Mesyuarat Agung Terakhir : Hari Bulan Tahun

7. Tarikh Koperasi Menjadi Anggota ANGKASA : Hari Bulan Tahun

8. Tarikh Koperasi Daftar SKM : Hari Bulan Tahun

9. No. Daftar SKM :

10. Fungsi Koperasi : .....

Kami dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa segala butiran dan keterangan yang diberikan di atas adalah benar dan tepat dan jika apa-apa maklumat di atas didapati tidak benar, palsu dan tidak lengkap, ANGKASA berhak mengambil apa-apa tindakan termasuklah menolak dan tidak memproses borang ini.

Tandatangan : ....

Nama : ( ) ( )

Pengerusi Setiausaha Cap/Mohor Koperasi

Tarikh : .....

BAHAGIAN B : PENGESAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Dengan ini, pihak kami mengesahkan status koperasi adalah seperti berikut :

Status Koperasi : ☐ Aktif ☐ Tidak Aktif ☐ Dorman

Disahkan oleh:

Tandatangan dan Cap : .....

Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

MYANGKASA HOLDINGS SDN BHD 1029674-X
A WHOLLY-OWNED SUBSIDIARY OF ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD (ANGKASA)
UNIT 311, BLOCK A, GLOMAC BUSINESS CENTRE,
JALAN SS 6/3, KELANA JAYA, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
t +603 7884 6788
f +603 7884 6678

BORANG SEMAKAN LAPORAN SPeKAR
KHAS UNTUK CALON MESYUARAT ANGKASA NEGERI (MAN)

1. MAKLUMAT CALON

Nama *(Seperti di Kad Pengenalan)* :

No. Kad Pengenalan :

Alamat E-mel :

Alamat *(Seperti di Kad Pengenalan)* :

No. Telefon Bimbit :

NOTA:

Calon diwajibkan menandatangani Surat Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit Individu. Sila rujuk muka surat 2.

Calon dikehendaki membuat pembayaran berdasarkan butiran seperti di bawah:

JUMLAH BAYARAN:
RM 28.00 (Dua Puluh Lapan Ringgit Sahaja)

KAEDAH PEMBAYARAN:
Online Transfer / Kod QR ke akaun:

MYANGKASA HOLDINGS SDN. BHD.
BANK : BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD
NO. AKAUN : **1102139701**
NO. TEL. : 03-7884 6788
E-MEL : mhsb.finance@gmail.com



NOTA:

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi MyANGKASA Holdings Sdn. Bhd. (MHSB) di talian 03-7884 6788 atau e-melkan pertanyaan anda ke: spekar.mhsb@gmail.com.

2. PENGESAHAN WAKIL JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI (JKAN) / BAHAGIAN PENGURUSAN SEKRETARIAT DAN TADBIR URUS ANGKASA

Kami dengan ini mengesahkan bahawa carian yang dipohon adalah bagi kegunaan rasmi untuk tujuan pencalonan di peringkat Mesyuarat ANGKASA Negeri (MAN) sahaja di mana ia tertakluk kepada penafian dan kerahsiaan data iaitu:

- Laporan SPeKAR yang diperolehi melalui permohonan ini adalah **SULIT** dan tertakluk kepada Akta Pelaporan Kredit 2010 serta Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) dimana laporan ini tidak boleh dicetak semula, didedahkan, atau disebarkan kepada mana-mana pihak ketiga, termasuk calon itu sendiri, tanpa kebenaran bertulis dan prosedur yang sah.

PENGESAHAN PIHAK PENGURUSAN JKAN/ANGKASA	Cap Rasmi JKAN / ANGKASA
Nama :	
Jawatan :	
Tandatangan :	
Tarikh :	

SURAT KEBENARAN PENZAHIRAN MAKLUMAT KREDIT INDIVIDU
Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA dan Experian (SPeKAR)

PENDEDAHAN

i. Pemohon dengan ini membenarkan MyANGKASA Holdings Sdn. Bhd. / ANGKASA dan / atau pegawainya untuk menggunakan, mendedahkan, memberitahu apa-apa maklumat berhubung dengan akaun SPGA / beliau untuk tujuan atau berhubung dengan apa-apa tindakan atau prosiding diambil bagi tujuan penilaian kredit atau bayaran balik di bawah Terma dan Syarat ini;

ii. Pemohon dengan ini membenarkan MyANGKASA Holdings Sdn. Bhd. / ANGKASA dan / atau pegawainya untuk penzahiran apa-apa maklumat individu yang berkaitan dengan kedudukan kredit, kemudahan atau akaun butiran pemohon kepada Experian Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd. (“Experian”, Agensi Pelaporan Kredit) dan pelanggan Experian termasuk Bank / Institusi kewangan, syarikat yang perlu; mengikut cara yang di anggap perlu berkaitan dengan maksud yang berikut.

iii. Pemohon dengan ini memberi kebenaran kepada Experian bagi pendedahan maklumat kredit, termasuk maklumat kredit perbankan kepada MyANGKASA Holdings Sdn. Bhd. / ANGKASA dan / atau pegawainya bagi maksud yang berikut seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 24, menurut Akta Pelaporan Kredit 2010. Persetujuan hendaklah kekal terpakai selagi pemohon mengekalkan akaun / pinjaman / kredit / apa-apa transaksi dengan organisasi.

iv. Tujuan pendedahan termasuk tetapi tidak terhad kepada:

   a. Semakan kredit / Akaun
   b. Dokumentasi undang-undang dan / atau tindakan berkenaan kontrak

v. MyANGKASA Holdings Sdn. Bhd. / ANGKASA / Experian tidak akan bertanggungjawab sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada Pemohon atau mana-mana orang lain untuk pendedahan sedemikian.

TANDATANGAN CALON	**DISAKSIKAN OLEH WAKIL MYANGKASA HOLDINGS SDN. BHD.**
…… Nama seperti di K/P: No. K/P: Tarikh:	…… Nama seperti di K/P: No. K/P: Cap Rasmi Syarikat: Tarikh:

SYARAT DAN KELAYAKAN CALON JAWATANKUASA ANGKASA NEGERI (JKAN)

KELAYAKAN CALON BAGI PEMILIHAN ANGGOTA JKAN.

1. *Aturan 20.* Hanya Perwakilan Koperasi yang mematuhi kelayakan yang berikut layak menjadi calon bagi pemilihan anggota JKAN:

   (a) Koperasi anggota calon itu hendaklah menjadi anggota ANGKASA bagi tempoh tidak kurang dari dua tahun;

   (b) Calon itu sendiri telah menjadi anggota koperasi anggota bagi tempoh tidak kurang dua tahun;

   (c) Calon itu sendiri telah menjadi mana-mana anggota lembaga koperasi anggota bagi tempoh tidak kurang dari dua tahun sama ada secara berterusan atau tidak;

   (d) Calon itu adalah Perwakilan Koperasi;

   (e) Koperasi calon berstatus aktif berdasarkan data dari SKM melainkan dibuktikan sebaliknya;

   (f) Calon yang hendak bertanding perlu mempunyai:

      (i) satu koperasi yang diwakili oleh calon;

      (ii) satu koperasi pencadang; dan

      (iii) satu koperasi penyokong;

      Ketiga-tiga koperasi tersebut merupakan **koperasi anggota yang berstatus aktif** dan mempunyai rekod di dalam minit mesyuarat Lembaga ketiga-tiga koperasi tersebut berkenaan pencalonan, cadangan dan sokongan koperasi masing-masing terhadap calon;

   (g) Calon itu hadir dan mendaftar dengan cara yang ditentukan Lembaga ANGKASA;

   (h) Koperasi anggota tidak mempunyai hutang yang tertunggak dengan ANGKASA dalam tempoh enam bulan berturut-turut bermula 1 Julai 2026 hingga 31 Disember 2026; dan

   (i) Koperasi anggota dan calon tidak terlibat dalam apa-apa tindakan undang-undang melibatkan ANGKASA.

2. *Aturan 21*. Bagi mana-mana koperasi anggota yang kurang daripada 50 orang atau kurang dan bagi sesuatu koperasi sekolah adalah tidak tertakluk kepada perenggan (a) hingga (c), *Aturan 20.*

PROSES PENCALONAN

1. *Aturan 19 I.* Proses Pencalonan bagi Mesyuarat ANGKASA Negeri (MAN)

   (a) Calon yang bertanding hendaklah menguruskan semua urusan pencalonannya termasuk memastikan semua borang pencalonan dan dokumen yang ditentukan Lembaga ANGKASA bagi tujuan pencalonan adalah tepat, teratur dan sempurna serta diserahkan pada masa yang ditentukan.

   (b) Pencalonan seorang calon bagi jawatan yang ditandingi dalam MAN hendaklah dibuat dalam mesyuarat sesuatu Lembaga koperasi anggota, sama ada mesyuarat biasa atau mesyuarat khas.

(c) Pengerusi dan Setiausaha Koperasi Lembaga koperasi anggota itu hendaklah memperakukan yang pencalonan itu telah diputuskan oleh Lembaga koperasi anggota dalam borang pencalonan yang disediakan.

(d) Kegagalan seorang calon untuk mematuhi syarat bagi penyerahan borang pencalonan dan dokumen sebelum waktu yang ditentukan untuk penyerahan itu dan syarat lain akan menyebabkan calon itu tidak layak untuk menjadi calon bagi jawatan yang ditandingi itu.

2. Calon yang bertanding hendaklah melengkapkan kesemua dokumen berkaitan perwakilan dan pencalonan seperti yang ditetapkan oleh Lembaga ANGKASA iaitu:

i. **BORANG 1** - Borang Penamaan Perwakilan Koperasi ke Mesyuarat ANGKASA Negeri (MAN)

ii. **BORANG 2** - Borang Pencalonan Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN)

- Borang Pengesahan Status Koperasi

- Borang Semakan Laporan Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA dan Experian (SPeKAR) dan Surat Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit Individu

* Rujukan – Aturan ANGKASA Pindaan 2026